


PENCAPAIAN KEWANGAN

Pada tahun 2008, LPP telah memperolehi pendapatan berjumlah RM195.953 juta. Sumber pendapatan terdiri daripada pemberian kerajaan untuk peruntukan mengurus berjumlah RM 132.278 juta, pemberian kerajaan untuk peruntukan pembangunan berjumlah RM 31.150 juta dimana geran pembangunan yang dilunaskan adalah berjumlah RM45.777 juta, pendapatan IPP berjumlah RM5.836 juta, faedah atas simpanan dan pinjaman berjumlah RM 6.481 juta, yuran audit pendaftar berjumlah RM1.260 juta, sewa rumah kakitangan berjumlah RM0.989 juta, lebihan aset dilupuskan berjumlah RM0.996 juta, hutang ragu dicatat semula berjumlah RM1.949 juta dan pendapatan pelbagai berjumlah RM0.387 juta.

Perbelanjaan sebenar LPP bagi tahun 2008 adalah berjumlah RM190.478 juta. Jumlah perbelanjaan ini terdiri daripada ganjaran kakitangan sebanyak RM112.401 juta, perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 36.518 juta, perbelanjaan lain berjumlah RM25.395 juta, susut nilai hartanah,

loji dan peralatan sebanyak RM9.889 juta, IPP sebanyak RM4.407 juta serta peruntukan dan hapus kira berjumlah RM1.869 juta. Prestasi pendapatan dan perbelanjaan LPP untuk lima tahun mulai 2004 sehingga tahun 2008 adalah seperti di Carta 1. Perbandingan item perbelanjaan bagi tahun 2007 dan tahun 2008 seperti di **Jadual 1**.

Carta 1
Prestasi Pendapatan dan Perbelanjaan LPP
Bagi Tahun 2004 Hingga Tahun 2008



Jadual 1
Perbandingan item Perbelanjaan bagi Tahun 2007 dan Tahun 2008


Item Perbelanjaan	Tahun	
	2007	2008
1. Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	9,959,247	9,888,534
2. Peruntukan dan Hapus Kira	2,394,801	1,869,265
3. Ganjaran Kakitangan	94,389,382	112,401,040
4. Perbelanjaan Lain	21,803,284	25,394,756
5. Perbelanjaan Pembangunan	97,988,260	36,517,733
6. Perbelanjaan Institut Pengurusan Peladang	3,439,523	4,407,032
Jumlah	229,974,497	190,478,360

Kedudukan prestasi Kumpulanwang Mengurus dan Pembangunan, Aset dan Liabiliti LPP bagi tahun 2007 dan tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 2** dan komposisi aset bagi tahun 2008 seperti di **Carta 2**.

Jadual 2
Laporan Prestasi Kewangan LPP Bagi Tahun 2007 Dan Tahun 2008

Perkara	Tahun	
	2007	2008
i.Aset		
Hartanah, Loji dan Peralatan	137,102,394	128,247,365
Pinjaman Jangka Panjang	14,104,065	18,041,907
Aset Semasa	132,127,074	440,513,661
Jumlah	283,333,533	586,802,933
ii.Liabiliti		
Pemiutang	6,733,680	6,030,036
Liabiliti Semasa Lain	1,497,678	2,053,278
Cukai	4,370,521	-
Jumlah	12,601,879	8,083,584
Nisbah Kecairan	10.48:1	54.49:1

Carta 2
Komposisi Aset LPP Bagi Tahun 2008




PRESTASI INSTITUT PENGURUSAN PELADANG

Pendapatan Institut Pengurusan Peladang (IPP) dalam tahun 2008 adalah berjumlah RM6.006 juta dengan perbelanjaan sebanyak RM4.627 juta. Lebih bersih untuk tahun 2008 adalah sebanyak RM1.442 juta. Butiran terperinci adalah seperti di seperti di **Carta 3** dan **Jadual 3**.

ANALISIS NISBAH KEWANGAN

Analisis nisbah kecairan semasa menunjukkan LPP mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan dengan kadar nisbah kecairan pada 54:1 tahun 2008 berbanding pada 10:1 pada tahun 2007.

Carta 3
Perbandingan Prestasi Pendapatan dan
Perbelanjaan Institut Pengurusan Peladang
Bagi Tahun 2007 dan Tahun 2008



Jadual 3
Perbandingan Prestasi Pendapatan Institut Pengurusan Peladang
bagi Tahun 2007 dan Tahun 2008

Pendapatan	Tahun 2007		Tahun 2008	
	Amaun (RM)	%	Amaun (RM)	%
Pakej Latihan	3,509,911	74.29	5,035,777	82.97
Sewa Asrama	634,662	13.43	492,554	8.12
Perkhidmatan Makan	258,934	5.48	127,727	2.10
Faedah Simpanan	130,669	2.76	171,139	2.82
Sewa Bilik Kuliah / Dewan	101,778	2.15	96,880	1.60
Sewa Rumah Kakitangan	58,830	1.24	66,205	1.09
Sewa Peralatan	23,140	0.48	13,820	0.23
Pendapatan Pelbagai	3,867	0.08	-	-
Sewa Kantin	2,400	0.05	2,300	0.04
Hutang Ragu ditulis semula	-	-	62,407	1.03
Khidmat Percetakan	33	0.00	390	0.01
Jumlah	4,724,191	100.00	6,069,199	100.00